



**PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU**

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 2 TAHUN 2017**

Semua Ketua Jabatan/Pusat Tanggungjawab  
Negeri Terengganu.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan,  
Negeri Terengganu  
Yang Berkenaan Sahaja.

**PEMBAYARAN BAUCER MELALUI  
ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT) TANPA HAD**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Ketua Jabatan/ Pusat Tanggungjawab supaya melaksanakan semua pembayaran baucer menggunakan Pindahan Dana Secara Elektronik atau *Electronic Fund Transfer* (EFT) tanpa had amaun.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pada tahun 2013 Kerajaan Negeri telah menguatkuasakan pembayaran baucer melalui EFT yang melibatkan jumlah tidak melebihi RM5.0 juta (Ringgit Malaysia: Lima Juta Sahaja) sebagaimana surat Perbendaharaan Negeri Terengganu dalam PERB.TR.A./17/03/0/02 - (13) bertarikh 19 Februari 2013.
- 2.2 Bagaimanapun pembayaran menggunakan cek adalah dibenarkan atas nama Ketua Jabatan dan juga pembayaran bagi pesakit di bawah Tabung Darul Iman selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kali Ke 12 Tahun 2013 bertarikh 27 Mac 2013. Kebenaran pembayaran menggunakan cek juga diberikan di atas nama individu sekiranya melibatkan baucer bayaran Pendahuluan Diri.
- 2.3 Pembayaran melalui EFT perlu ditingkatkan lagi bagi menggantikan pembayaran menggunakan cek bagi tujuan keselamatan, mengelakkan pemalsuan cek dan cek yang tidak ditunaikan. Pelaksanaan pembayaran melalui EFT akan dapat menyumbang kepada kecekapan pengurusan dan mengurangkan kos operasi.

**3. PERLAKSANAAN PEMBAYARAN BAUCER MELALUI EFT TANPA HAD AMAUN**

- 3.1 Selaras dengan AP 103 dan bagi menambahbaik proses pembayaran untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, Kerajaan bersetuju supaya semua pembayaran baucer dibuat melalui EFT tanpa had amaun.
- 3.2 Pembayaran menggunakan cek bagaimanapun dibenarkan bagi kes-kes tertentu seperti yang dinyatakan di para 2.2.
- 3.3 Jika terdapat keperluan untuk melakukan pembayaran menggunakan cek, Ketua Jabatan/PTJ hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran/kelulusan bertulis daripada Bendahari Negeri dengan mengemukakan permohonan dan justifikasi.

**4. TARIKH KUAT KUASA**

- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 April 2017**.
- 4.2 Sebarang pertanyaan berkenaan dengan pekeliling ini bolehlah berhubung terus dengan pegawai-pegawai di:-

**Bahagian Pengurusan Perakaunan,  
Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu.**

**Telefon No. 09-6231957 Sambungan 6269/6264/6255**

**" TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU "**  
**' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '**

Saya yang menurut perintah,



**( DATO' HAJI A. RAHMAN BIN YAHYA )**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Terengganu.

14 Mac 2017  
15 J'Akhir 1438

s.k.

Yang Berhormat  
Setiausaha Kerajaan  
Terengganu

Bendahari Negeri  
Terengganu.

Pengarah Audit Negeri  
Terengganu.